

**SOALAN NO:45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN V. SIVAKUMAR**

**TARIKH: 26 NOVEMBER 2015**

**SOALAN:**

**Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah dan kadar pengangguran mengikut negeri pada masa ini. Bagaimanakah Kementerian akan menangani pengangguran di kalangan belia dan siswazah yang semakin meruncing terutamanya apabila ekonomi semakin lembab.

**PR-1333-L71095**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, sehingga separuh tahun pertama 2015, jumlah penganggur di Malaysia adalah seramai empat ratus tiga puluh lima ribu, seratus (435,100) orang dengan kadar pengangguran sebanyak tiga perpuluhan satu (3.1) peratus.

2. Dari segi kadar pengangguran mengikut negeri pula, negeri-negeri yang mencatatkan kadar pengangguran melebihi purata kebangsaan tiga perpuluhan satu (3.1) peratus adalah negeri Terengganu sebanyak empat perpuluhan enam (4.6) peratus, diikuti dengan negeri Sabah sebanyak empat perpuluhan lima (4.5) peratus, negeri Kelantan sebanyak tiga perpuluhan lapan (3.8) peratus, negeri Sarawak sebanyak tiga perpuluhan enam (3.6) peratus, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak tiga perpuluhan tiga (3.3) peratus, negeri Johor dan Negeri Sembilan sebanyak tiga perpuluhan dua (3.2) peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pihak Kerajaan amat prihatin terhadap isu pengangguran khususnya di kalangan belia dan graduan. Daripada 400,000 penganggur dalam tahun 2015, sejumlah 100,000 adalah graduan lulusan di peringkat ijazah. Dalam hubungan ini, Kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi telah melaksanakan inisiatif berikut:

- (i) *Program Accelerated Skills Enhancement Training (ASET)* dilaksanakan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Program ini bertujuan memberi peluang kepada graduan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

- (ii) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan *governtment-linked company* (GLC).
  - (iii) Program Latihan Keusahawanan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA). Program Latihan Keusahawanan memberi peluang kepada graduan yang berminat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran keusahawanan.
  - (iv) *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS) dilaksanakan oleh Talent Corporation. Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpekerjaan graduan dengan latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri.
4. Manakala Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap kebolehpekerjaan rakyat tempatan melalui program-program latihan kemahiran, antaranya termasuk:

- (i) memperluaskan akses untuk mendapat latihan dalam bidang kemahiran melalui lebih 500 Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan lebih 500 Institut Latihan Kemahiran Swasta yang bertauliah;
- (ii) menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk lepasan sekolah dan pekerja bagi mengikuti latihan kemahiran di institusi-institusi latihan kemahiran awam dan swasta;
- (iii) meningkatkan kebolehpasaran pelatih sekaligus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan (*dual certification*) menerusi Program *Industrial Skills Enhancement* (INSEP); dan
- (iv) mengukuhkan pelaksanaan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama seperti Program Strategik untuk Belia 1Malaysia (SAY1M) dan Belia Berwawasan bagi mengurangkan jurang *mismatch* kemahiran dengan keperluan industri.

5. Malah bagi mempermudah akses kepada peluang pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Portal Perkhidmatan Pekerjaan

*JobsMalaysia* merupakan portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pemadanan kerja.

(ii) **Program Penempatan Pekerjaan**

Ia merupakan satu program yang menemukan pencari kerja termasuk graduan dengan majikan secara langsung.

(iii) **Karnival Kerjaya (*Job Fair*)**

Penganjuran karnival pekerjaan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dan majikan yang sepadan melalui temuduga terbuka.

(iv) **Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya**

Ia berfungsi sebagai “One Stop Centre” bagi pencari kerja. Pusat ini berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja.

(iii) **Pusat Maklumat Kerjaya (CIC)**

Maklumat pekerjaan disebarluaskan dalam web Kementerian dan juga *JobsMalaysia*.